



LAMAN UTAMA

CARI

6 Mei 2008 / 29 Rabiul Akhir 1429

KUMPULAN UTUSAN BERITA

HUBUNGI KAMI

JOM IKLAN!

ARKIB

BERITA

- Berita Utama
- Dalam Negeri
- Politik
- Luar Negara
- Sukan
- Bisnes
- Laporan Saham
- Mahkamah
- Jenayah
- Rencana
- Bicara Agama
- Forum

GAYA HIDUP

- Hiburan
- Keluarga
- Rancangan TV
- Pendidikan
- Sains & Teknologi
- Kesihatan
- Polis & Terntera
- Sastera

CAPAIAAN LAIN

- Portal Pendidikan
- Kosmo! Online
- Mangga Online
- Kareer
- Ranggi
- Utusan Karya
- Rampai Iklan

LAMAN KHAS



KOMUNITI



DALAM NEGERI

**Beri perhatian serius resolusi kongres - Muhyiddin**

KUALA LUMPUR 5 Mei - Kerajaan dan parti UMNO wajar memberi perhatian serius terhadap resolusi Kongres Permuafakatan Melayu yang berakhir kelmarin.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan dan UMNO perlu melakukan sesuatu bagi meyakinkan semula orang Melayu yang kini bimbang mengenai kuasa mereka yang semakin terhakis.

Beliau seterusnya mengingatkan UMNO agar tidak memandang remeh kebimbangan di kalangan 200 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu yang menyifatkan parti itu seolah-olah kehilangan punca selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac lalu.

"Bagi saya, apa yang disuarakan pada kongres itu mempunyai mesej penting khususnya kepada UMNO dan wajar bagi kita berikan perhatian selain bertindak untuk meyakinkan semula orang Melayu terhadap UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini hari ini selepas melakukan lawatan singkat dan meninjau persiapan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) Ke-5 yang akan berlangsung dari 7 hingga 11 Mei ini.

Terhakis Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengulas kebimbangan para peserta Kongres Permuafakatan Melayu mengenai kuasa Melayu yang semakin terhakis.

Bahkan, mereka turut resah memikirkan nasib UMNO yang menjadi teras kuasa Melayu di negara ini, tetapi kini kelihatan goyah.

Secara peribadi, Muhyiddin berkata, beliau melihat kongres itu membuktikan orang Melayu masih mengharapkan UMNO untuk mempertahankan hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

"Amat jelas, kongres tiga hari itu menunjukkan bukan sedikit kalangan orang Melayu yang bimbang tentang hak mereka," katanya.

Katanya lagi, orang Melayu bimbang dengan prestasi parti-parti Barisan Nasional (BN) khususnya UMNO selepas pilihan raya lalu.

Sehubungan itu, menurut beliau, UMNO perlu meneliti setiap resolusi yang diputuskan pada kongres itu dan mengambil langkah perlu bagi memulihkan kembali keyakinan orang Melayu.

"Saya menerima resolusi itu dengan hati terbuka," katanya.

Beliau juga menambah, orang bukan Melayu tidak perlu rasa terganggu kerana Kongres Permuafakatan Melayu tersebut lebih ke arah untuk mempertahankan hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

IKLAN@UTUSAN



IKLAN@UTUSAN

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh	5.48
Zohor	1.15
Asar	4.29
Maghrib	7.20
Isyak	8.31

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)

DARI TUTOR.COM.MY

“ Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin! ”

BANCIAN

Jika anda adalah seorang pembaca akhbar dan pelayar Internet, apakah tabiat anda berhubung pemilihan bahan bacaan?

- Saya melayari Internet untuk membaca bahan yang tidak terdapat di dalam akhbar.
- Saya melayari Internet untuk membaca bila saya terlepas membeli atau membaca di akhbar.
- Saya melayari Internet untuk mendapatkan bahan atau mendalami sesuatu perkara yang pernah saya terbaca di akhbar.
- Saya melayari Internet semata-mata kerana ingin menjimatkan kos daripada membeli akhbar.
- Saya hanyalah seorang perayau Internet

Keputusan

Undi

IKLAN Tekst

- Cyber Slim Center - 10kg dalam 30 hari
- >> Langsingkan badan secara selamat, semula jadi
- SmartStudy - Kursus Motivasi & Teknik Belajar Bersama Osman Affan
- Pusat Pelanginan Online Anda, turun 5-30kg.
- >> Rahsia Mudah Langsing. Ketahuinya.
- Tiara Beach Resort... The Place To Be. 23-Acre Man-Made Beach Resort. PD Largest MICE Venue.

IKLAN@UTUSAN

www.mybooks.com.my